



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI  
TINGKAT 12, 14, 17 & 18  
WISMA BAPA MALAYSIA  
PETRA JAYA  
93502 KUCHING

Telefon : 082-441957  
Faksimili : 082-441676  
Laman Web : <https://sfs.sarawak.gov.my>

Ruj. Tuan:  
Ruj. Kami: SFS/00021/4 SFS-CIRCULARS(P)(5)  
Tarikh : 3 September 2024

## SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI BIL. 18 /2024

Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Residen Bahagian  
Semua Ketua Badan- Badan Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

### PENGGUNAAN, LANTIKAN PENGGUNA DAN PERMOHONAN AKSES *CONTRACTORS & CONSULTANTS REGISTRATION AND RATING SYSTEM* (CoRRIS)

#### 1. OBJEKTIF

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penggunaan, lantikan pengguna dan permohonan akses *Contractors & Consultants Registration And Rating System (CoRRIS)* kepada semua Kementerian, Jabatan, Badan-Badan Berkanun Negeri, dan Pihak Berkuasa Tempatan (Agensi).

#### 2. TAKRIFAN

Berikut adalah takrifan-takrifan yang digunakan di dalam Pekeliling ini:

##### 2.1 Kontraktor:

Takrifan bagi 'kontraktor' adalah termasuk pembekal / pembekal perkhidmatan. Takrifan ini adalah selaras dengan takrifan di dalam *The Financial Procedure (Registration of Contractors and Consultants) Instruction, 2024* seperti berikut:

*‘ “contractor” means any person who intends to enter into a contract for the execution of building or engineering works or other specialist works of any description for any department of the Government or any agency of the Government, and **includes a supplier**’*

Supplier dalam konteks ini adalah seperti berikut:

*‘ “supplier” means any person who intends to enter into a contract for the supply of goods and services of whatever descriptions for any department of the Government or any agency of the Government’*

## **2.2 Perunding:**

Takrifan bagi ‘perunding’ adalah selaras dengan takrifan di dalam *The Financial Procedure (Registration of Contractors and Consultants) Instruction, 2024* seperti berikut:

*‘ “consultant” means any person or firm who intends to enter a contract to provide consultancy services or expertise advisory for a physical project, studies (physical or non-physical) or any other professional services for any departments of the Government or any agency of the Government’*

## **3. LATAR BELAKANG**

- 3.1 CoRRIS pada awalnya dikenali sebagai *Contractors and Suppliers Information System (CoSIS)* dan telah dijenamakan kepada *Contractors Registration Information System (CoRIS)* pada tahun 2010 dan kemudiannya kepada *CoRRIS* pada tahun 2020.
- 3.2 Fungsi utama *CoRRIS* adalah sebagai pangkalan data utama bagi perkongsian maklumat kontraktor dan perunding, seperti maklumat pendaftaran UPKJ, projek, prestasi dan juga laporan salah laku. Maklumat – maklumat ini adalah untuk rujukan Agensi bagi aktiviti perolehan Kerajaan Negeri.

#### 4. PENGGUNAAN *CoRRIS*

4.1 Agensi boleh menggunakan *CoRRIS* bagi tujuan seperti berikut:

- (a) Menyemak mengenai butiran pendaftaran kontraktor dan perunding seperti bidang, kelas/kategori, kepala/subkepala, sahlaku tempoh pendaftaran, status Bumiputera, rekod kerja, prestasi kerja dan sebagainya;
- (b) Menyemak status pendaftaran *Rescue Contractor*;
- (c) Mengemaskini maklumat dan status projek yang telah diawad;
- (d) Menilai dan melaporkan prestasi kontraktor dan perunding menggunakan *Contractors Evaluation Performance Report (CoPER)* selepas *project physical completion*; dan
- (e) Membuat laporan salahlaku kontraktor dan perunding menggunakan borang Laporan Kontraktor / Pembekal / Perunding (*Contractors / Suppliers / Consultants Report*) berdasarkan jenis-jenis kesalahan yang telah ditetapkan.

4.2 Penggunaan *CoRRIS* juga boleh membantu Agensi dalam membuat tapisan dan keputusan bagi aktiviti perolehan seperti:

- (a) Mengenal pasti kontraktor dan perunding yang layak untuk dipelawa menyertai sebutharga/tender;
- (b) Membantu agensi agar pengeluaran dokumen pembelian terus/sebutharga/tender dibuat hanya kepada kontraktor dan perunding yang layak dan tiada laporan salahlaku; dan
- (c) Mempercepat dan melicinkan proses penilaian untuk membuat keputusan ke atas proses perolehan dengan adanya maklumat yang terkini.

## 4. LANTIKAN PENGGUNA DAN PERMOHONAN AKSES

### 4.1 Lantikan Pengguna

Ketua Jabatan / Agensi boleh melantik pegawai-pegawai untuk diberikan akses- akses *CoRRIS* seperti berikut:

#### 4.1.1 Pemasuk Data (*Data Entry*)

Pegawai yang dilantik hendaklah dari kalangan Pegawai **Gred 19** ke atas. Akses dan peranan *Data Entry* adalah seperti berikut:

- (a) Mengakses maklumat pendaftaran kontraktor dan perunding, projek dan tindakan tatatertib ke atas kontraktor dan perunding;
- (b) Memasukkan maklumat projek yang telah diawad (*on-going project*) dan mengemaskini status projek tersebut setelah projek disiapkan (*completed project*); dan
- (c) Memasukkan markah prestasi kontraktor melalui borang *CoPER* bagi projek yang telah disiapkan (*completed project*).

#### 4.1.2 Penyemak Data (*Data Checker*)

Pegawai yang dilantik hendaklah dari kalangan Pegawai **Gred 29** ke atas. Akses dan peranan *Data Checker* adalah seperti berikut:

- (a) Mengakses maklumat pendaftaran kontraktor dan perunding, projek dan tindakan tatatertib ke atas kontraktor dan perunding;
- (b) Mengesahkan maklumat projek serta *CoPER* yang telah dimasukkan / dikemaskini oleh *Data Entry*;
- (c) Memaparkan (*published*) maklumat projek serta *CoPER* di dalam *CoRRIS* untuk rujukan semua Agensi; dan
- (d) Membuat laporan kesalahan tatatertib kontraktor dan perunding menggunakan borang *Contractors / Suppliers / Consultants Report*.

#### 4.1.3 *Data Viewer*

Pegawai yang dilantik hendaklah dari kalangan **Ketua Jabatan atau Pegawai yang dilantik oleh Ketua Jabatan**. Akses sebagai *Data Viewer* adalah untuk mengakses maklumat pendaftaran kontraktor dan perunding, projek, *CoPER*, dan tindakan tatatertib ke atas kontraktor dan perunding sahaja.

#### 4.1.4 *Focal Person*

Pegawai yang dilantik adalah **Pegawai Khas yang dilantik oleh Ketua Jabatan**. Akses dan peranan *Focal Person* adalah seperti berikut:

- (a) Mengakses maklumat pendaftaran kontraktor dan perunding projek, tindakan tatatertib ke atas kontraktor dan perunding dan statistik penggunaan *CoRRIS* (termasuk maklumat projek dan *CoPER*) Agensi masing-masing;
- (b) Mengesahkan maklumat projek serta *CoPER* yang telah dimasukkan / dikemaskini oleh *Data Entry*;
- (c) Memaparkan (*published*) maklumat projek serta *CoPER* di dalam *CoRRIS* untuk rujukan semua Agensi; dan
- (d) Membuat laporan kesalahan tatatertib kontraktor dan perunding menggunakan borang *Contractors / Suppliers / Consultants Report*.
- (e) Bertindak sebagai pegawai seranta yang memantau semua pengemaskinian maklumat yang dibuat di dalam *CoRRIS* oleh Agensi masing-masing dan berhubung dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) berkenaan dengan *CoRRIS*.

## 4.2 Permohonan Akses *CoRRIS*

- 4.2.1 Agensi boleh mengemukakan permohonan akses baharu, pertukaran akses dan pembatalan akses secara atas talian sepenuhnya melalui laman web *CoRRIS* di URL <https://corris.sarawak.gov.my/coris>

4.2.2 Penerangan langkah-langkah untuk memohon akses baharu, pertukaran akses dan pembatalan akses secara atas talian sepenuhnya adalah seperti di **Lampiran A**. Manakala, Manual Pengguna (*User Manual*) bagi tujuan permohonan akses tersebut boleh dicapai di laman web *CoRRIS*.

## 5. TANGGUNGJAWAB AGENSI DAN PENGGUNA

- 5.1 Semua maklumat di dalam *CoRRIS* adalah **SULIT** dan **DIHADKAN** bagi tujuan aktiviti perolehan Agensi dan tertakluk kepada Akta Rasmi 1972. Adalah diingatkan bahawa pengguna yang menyalahgunakan maklumat-maklumat di dalam *CoRRIS* boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peraturan-peraturan sedia ada.
- 5.2 Pihak Agensi adalah bertanggungjawab memastikan pegawai-pegawai yang telah diberi akses masih bertugas di Agensi masing-masing dan memastikan pegawai-pegawai yang telah berpindah membatalkan akses atau menukar akses ke Jabatan / Agensi yang baharu.
- 5.3 Bagi pegawai yang telah bersara, pihak Agensi perlu memaklumkan kepada UPKJ dengan mengisi **Borang CoRRIS/Bersara** di **Lampiran B** bagi tujuan pembatalan akses pegawai tersebut.
- 5.4 Ketua Jabatan / Agensi hendaklah memastikan maklumat-maklumat projek (termasuk status projek), *CoPER* dan laporan salahlaku adalah dikemaskini di dalam *CoRRIS* mengikut pekeliling-pekeliling yang berkuatkuasa.

## 6. PENGUATKUASAAN DAN PEMBATALAN

- 6.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta dari tarikh ianya dikeluarkan.
- 6.2 Selaras dengan penguatkuasaan Pekeliling ini, adalah dimaklumkan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.1/2020 bertarih 18.2.2020 yang terdahulu adalah **DIBATALKAN**.

## 7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas hendaklah dirujuk kepada pegawai-pegawai berikut:


<b>Bil.</b>	<b>Nama Pegawai</b>	<b>E-mail</b>
1.	Azraine bin Sulaili	azraine@sarawak.gov.my
2.	Evlyn Lemok Anak Noel	evelynl@sarawak.gov.my

No. Telefon : 082-221200

No. Faks : 082-251593

Sekian, harap maklum.


**“ BERSATU BERUSAHA BERBAKTI ”**  
**“ AN HONOUR TO SERVE ”**




**(DATO SRI DR. WAN LIZOZMAN BIN WAN OMAR)**  
Setiausaha Kewangan Negeri  
SARAWAK

**Carta Aliran Proses Permohonan Akses Pengguna Baru / Perubahan Akses Pengguna Sedia Ada / Pembatalan Akses Dalam CoRRIS**


**(i) Permohonan Akses Pengguna Baru**



(ii) Pertukaran Akses Pengguna Sedia Ada



(iii) Pembatalan Akses Dalam CoRRIS



## Borang CORRIS/Bersara

Bil	Nama Pegawai yang Bersara

## Perakuan Ketua Jabatan / Pegawai Yang Diberi Kuasa

Dengan ini saya memperakui bahawa pegawai-pegawai di atas telah bersara untuk ditamatkan akses dalam CoRRIS.

.....  
Nama Ketua Jabatan /  
Pegawai Yang Diberi Kuasa

.....  
Tandatangan

.....  
Tarikh & Cop  
Kementerian / Jabatan

Sila kembalikan borang ini melalui emel rasmi UPKJ ([upkj@sarawak.gov.my](mailto:upkj@sarawak.gov.my))

## **SENARAI AGIHAN :**

### **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SARAWAK**

1. **TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**  
(Perancangan Ekonomi Dan Pembangunan)
2. **TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI** (Pentadbiran)
3. **TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI** (Operasi)
4. **SETIAUSAHA MAJLIS,**  
Majlis Adat Istiadat
5. **YANG DI-PERTUA,**  
Majlis Islam Sarawak
6. **KETUA PENDAFTAR,**  
Mahkamah Bumiputera Sarawak
7. **PENGARAH,**  
Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
8. **PENGARAH,**  
Unit Pentadbiran
9. **PENGARAH,**  
Unit Perancang Ekonomi Sarawak
10. **PENGARAH,**  
Unit Protokol, Istiadat dan Pengurusan Acara Sarawak
11. **PENGARAH,**  
Unit Pemantauan Pelaksanaan Sarawak
12. **PENGARAH,**  
Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak
13. **PENGARAH,**  
Unit Audit Dalam
14. **PENGARAH,**  
Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain
15. **PENGARAH,**  
Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak
16. **PENGARAH,**  
Unit Komunikasi Awam Sarawak
17. **PENGARAH**  
Unit Pengurusan Imigresen Dan Buruh

18. **PENGARAH**  
Unit Transformasi Dan Inovasi Sarawak
19. **PENGARAH**  
Unit Digitalisasi Perkhidmatan Awam Sarawak
20. **PEGAWAI PERHUBUNGAN RUMAH SARAWAK**

## **SENARAI AGIHAN :**

### **KEMENTERIAN NEGERI SARAWAK**

- 1. Setiausaha Tetap**  
Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak
- 2. Setiausaha Tetap**  
Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak
- 3. Setiausaha Tetap**  
Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti
- 4. Setiausaha Tetap**  
Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak
- 5. Setiausaha Tetap**  
Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak
- 6. Setiausaha Tetap**  
Kementerian Belia, Sukan Dan Pembangunan Usahawan Sarawak
- 7. Setiausaha Tetap**  
Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar
- 8. Setiausaha Tetap**  
Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak
- 9. Setiausaha Tetap**  
Kementerian Pendidikan, Inovasi, dan Pembangunan Bakat
- 10. Setiausaha Tetap**  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak
- 11. Setiausaha Tetap**  
Kementerian Pengangkutan Sarawak
- 12. Setiausaha Tetap**  
Kementerian Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar Sarawak

## **SENARAI AGIHAN :**

### **JABATAN NEGERI**

- 1. Setiausaha Sulit Kanan Kepada TYT Yang Di-Pertua Negeri**  
Pejabat Yang Di-Pertua Negeri Sarawak
- 2. Peguam Besar Negeri Sarawak**  
Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak
- 3. Akauntan Negeri Sarawak**  
Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak
- 4. Pengarah**  
Jabatan Tanah dan Survei
- 5. Pengarah**  
Jabatan Kerja Raya
- 6. Pengarah**  
Jabatan Pertanian Sarawak
- 7. Pengarah**  
Jabatan Hutan Sarawak
- 8. Pengarah**  
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sarawak
- 9. Pengarah**  
Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak
- 10. Pengarah**  
Jabatan Perkhidmatan Pembentungan Sarawak
- 11. Pengarah**  
Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak
- 12. Pengarah**  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak
- 13. Pengarah**  
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak
- 14. Pengarah**  
Jabatan Muzium Negeri Sarawak
- 15. Pengarah**  
Jabatan Agama Islam Sarawak
- 16. Ketua Hakim Syarire**  
Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak

**17. Pengarah**

Jabatan Mufti Sarawak

**18. Pengarah**

Dewan Undangan Negeri Sarawak

**19. Setiausaha**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak

## **SENARAI AGIHAN :**

### **PEJABAT RESIDEN**

- 1. Residen**  
Pejabat Residen Bahagian Kuching
- 2. Residen**  
Pejabat Residen Bahagian Sri Aman
- 3. Residen**  
Pejabat Residen Bahagian Sibul
- 4. Residen**  
Pejabat Residen Bahagian Miri
- 5. Residen**  
Pejabat Residen Bahagian Limbang
- 6. Residen**  
Pejabat Residen Bahagian Sarikei
- 7. Residen**  
Pejabat Residen Bahagian Kapit
- 8. Residen**  
Pejabat Residen Bahagian Bintulu
- 9. Residen**  
Pejabat Residen Bahagian Samarahan
- 10. Residen**  
Pejabat Residen Bahagian Mukah
- 11. Residen**  
Pejabat Residen Bahagian Betong
- 12. Residen**  
Pejabat Residen Bahagian Serian

\* Sila maklumkan kepada Pejabat Daerah / Daerah Kecil di bawah pentadbiran masing-masing.

## **SENARAI AGIHAN :**

### **PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SARAWAK**

- 1. Pengarah**  
Dewan Bandaraya Kuching Utara
- 2. Setiausaha Bandaraya**  
Majlis Bandaraya Kuching Selatan
- 3. Setiausaha Banadaraya**  
Majlis Bandaraya Miri
- 4. Setiausaha Perbandaran**  
Majlis Perbandaran Sibu
- 5. Setiausaha Perbandaran**  
Majlis Perbandaran Kota Samarahan
- 6. Setiausaha Perbandaran**  
Majlis Perbandaran Padawan
- 7. Setiausaha**  
Majlis Daerah Lawas
- 8. Setiausaha**  
Majlis Daerah Limbang
- 9. Setiausaha**  
Majlis Daerah Lubok Antu
- 10. Setiausaha**  
Majlis Daerah Lundu
- 11. Setiausaha**  
Majlis Daerah Dalat dan Mukah
- 12. Setiausaha**  
Majlis Daerah Luar Bandar Sibu
- 13. Setiausaha**  
Majlis Daerah Meradong dan Julau
- 14. Setiausaha**  
Majlis Daerah Marudi
- 15. Setiausaha**  
Majlis Daerah Matu dan Daro
- 16. Setiausaha**  
Majlis Daerah Bau

**17. Setiausaha**

Majlis Daerah Saratok

**18. Setiausaha**

Majlis Daerah Sarikei

**19. Setiausaha**

Majlis Daerah Serian

**20. Setiausaha**

Majlis Daerah Simunjan

**21. Setiausaha**

Majlis Daerah Subis

**22. Setiausaha**

Majlis Daerah Kanowit

**23. Setiausaha**

Majlis Daerah Kapit

**24. Setiausaha**

Majlis Daerah Sri Aman

**25. Setiausaha**

Majlis Daerah Betong

**26. Setiausaha**

Majlis Daerah Gedong

**SENARAI AGIHAN :**

**BADAN BERKANUN NEGERI DAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI (GLC)**

- 1. Pengurus Besar**  
Lembaga Kemajuan Bintulu
- 2. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Perbandaran Pembangunan Perumahan Sarawak
- 3. Pengurus Besar**  
Lembaga Pelabuhan Kuching
- 4. Pengurus Besar**  
Lembaga Air Kuching
- 5. Pengurus Besar**  
Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah Sarawak (LCDA)
- 6. Pengurus Besar**  
Lembaga Pelabuhan Miri
- 7. Kontroller**  
Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB)
- 8. Pengurus Besar**  
Lembaga Pelabuhan Rajang
- 9. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak (SBC)
- 10. Pengurus Besar**  
Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)
- 11. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Perbadanan Perhutanan Sarawak
- 12. Pengurus Besar**  
Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA)
- 13. Pengurus Besar**  
Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (SLDB)
- 14. Kontroller**  
Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (SRB)
- 15. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Perbadanan Sukan Sarawak

**16. Pengurus Besar**

Perbadanan Perusahaan Kemajuan Kayu Sarawak (PUSAKA)

**17. Ketua Pegawai Eksekutif**

Lembaga Pelancongan Sarawak (STB)

**18. Pengurus Besar**

Lembaga Air Sibu

**19. Ketua Pegawai Eksekutif**

Pustaka Negeri Sarawak

**20. Pengarah**

Yayasan Sarawak

**21. Ketua Pegawai Eksekutif**

Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA)

**22. Pengurus Besar**

Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis

**23. Pengurus Besar**

Lembaga Pelabuhan Samalaju

**24. Pengurus Besar**

Sarawak Multimedia Authority (SMA)

**25. Ketua Pegawai Eksekutif**

Majlis Seni Sarawak (MSS)

**26. Pengurus Besar**

Majlis Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak (SRDC)

**27. Setiausaha**

Lembaga Kumpulan Wang Kawasan Konsesi Hutan (Pemulihan & Pembangunan)

**28. Pengurus Besar**

Lembaga Industri Getah Sarawak

**29. Pengurus Besar**

Lembaga Kemajuan Sagu dan Nipah Sarawak

**30. Ketua Pegawai Eksekutif**

Majlis Kraf Sarawak

**31. Pengurus Besar**

Tabung Baitulmal Sarawak

**32. Pengurus Besar**

Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke

- 33. Pengurus Besar**  
Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak
- 34. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Pusat Kecemerlangan Teknikal (CENTEXS)
- 35. Ketua Pegawai Eksekutif**  
CRAUN Research Sdn. Bhd.
- 36. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Sarawak Energy Berhad
- 37. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Sarawak Information System Sdn. Bhd.
- 38. Pengarah**  
Sarawak Incorporated Sdn. Bhd.
- 39. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Leadership Institute
- 40. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC)
- 41. Ketua Pegawai Operasi**  
Sarawak Convention Bureau
- 42. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Sarawak Centre of Performance Excellence (SCOPE) Sdn. Bhd.
- 43. Ketua Pegawai Eksekutif**  
LAKU Management Sdn. Bhd.
- 44. Pengurus Besar**  
Sarawak Gas Distribution Sdn. Bhd.
- 45. Pengurus Besar Kumpulan**  
Petroleum Sarawak Berhad (PETROS)
- 46. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Highland Development Agency (HDA)
- 47. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Upper Rajang Development Agency (URDA)
- 48. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Northern Region Development Agency (NRDA)
- 49. Ketua Pegawai Eksekutif**  
Integrated Regional Samarahan Development Agency (IRSDA)

**50. Ketua Pegawai Eksekutif**

Sri Aman Development Agency (SADA)

**51. Ketua Pegawai Eksekutif**

Betong Division Development Agency (BDDA)

**52. Ketua Pegawai Eksekutif**

Sri Aman Development Agency (SADA)

**53. Ketua Pegawai Eksekutif**

Rajang Delta Development Agency (RADDA)

**54. Ketua Pegawai Eksekutif**

RASCOM Area Development Agency (RADA)

**55. Ketua Pegawai Eksekutif**

Greater Kuching Coordinated Development Agency (GKCDCA)